



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**03 Mac 2025
02 Ramadan 1446H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	• Satu tan ikan bandaraya ditangkap dalam sejam
Harian Metro	•
Kosmo	• Duratul Yasmin usaha ternakan ikan dalam sangkar
Sinar Harian	•
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
The Sun	•
Malaysiakini	•
Bernama	•
BenarNews Malaysia [Online]	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	/	SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF	/	NEUTRAL			14	3.3.2025



Satu tan ikan bandaraya ditangkap dalam sejam

Populasi ikan asing semakin kuasai sungai, ancam ekosistem air tawar

Oleh Azhar Shahruddin
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kira-kira satu tan ikan bandaraya atau nama saintifiknya *Hypostomus plecostomus* mampu ditangkap dalam tempoh hanya sejam, dengan menggunakan empat jala.

Perkara itu dikongsi Pengasas Komuniti Pemburu Ikan Bandaraya (KPIB) dan Skwad Pemburu Ikan Asing (SPIA), Mohamad Haziq A Rahman, sekali gus membuktikan populasi ikan asing yang menimbulkan ancaman besar kepada ekosistem air tawar itu semakin menguasai sungai negara.

"Kalau kawasan itu belum pernah kami pergi, bilangan ikan bandaraya di situ boleh dikatakan infiniti atau tiada had."

"Bayangkan dengan operasi selama sejam menggunakan hanya empat jala, kami mampu menangkap sehingga satu tan ikan bandaraya," katanya ketika dihubungi.

Berdasarkan rekod, SPIA membasmi 36 tan ikan bandaraya sepanjang tahun lalu berdasarkan inventori diserahkan kepada Jabatan Perikanan.

Mengambil kira populasi

ikan asing itu yang semakin meningkat, Mohamad Haziq berkata, operasi membasmi ikan bandaraya akan lebih dipergiatkan tahun ini.

"Setakat ini, tiga tan ikan bandaraya direkodkan sehingga Februari. Kami menyasarkan tangkapan lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya dengan memperluaskan operasi ke lokasi baharu yang belum diterokai."

"Selain ikan bandaraya, kerjasama dengan Jabatan Perikanan turut diperluas bagi membasmi spesies ikan asing lain seperti 'peacock bass' atau dikenali ikan raja."

"Namun, tumpuan utama masih kepada ikan bandaraya kerana kesan dominannya terhadap ekosistem. Spesies keli Afrika turut termasuk dalam operasi, tetapi tidak dalam skala besar seperti ikan bandaraya," katanya.

Ada di kawasan air terjun

Berkongsi kebimbangan mengenai ikan bandaraya, Mohamad Haziq berkata, dapatan terbaru pihaknya di Sungai Buloh mendapati spesies itu yang sebelum ini hanya membiak di sungai tercemar, kini turut ditemui di kawasan air terjun serta sungai jernih yang berpasir.

"Impak kepada manusia adalah satu masa nanti kita tidak akan dapat jumpa spesies ikan lain di perairan air tawar."

"Populasi ikan ini juga mungkin boleh menyebabkan kemalangan jiwa kerana tebing sungai terhakis dan runtuh disebabkan spesies ini. Apabila runtuh berlaku banjir, rumah

yang berada di tebing juga boleh runtuh," katanya.

Sepanjang tahun lalu, katanya SPIA menjalankan operasi membasmi ikan itu di Perairan Sungai Langat, Sungai Klang dan anak Sungai Kuyoh.

"Walaupun tangkapan 36 tan direkodkan, kita percaya jika ada lebih banyak tenaga kerja bilangan ikan bandaraya berjaya dibasmi akan lebih tinggi."

"Di Selangor dan Kuala Lumpur, lokasi baharu ditemui adalah sekitar Semenyih dan Ka-

jang," katanya.

Mengulas ancaman kepada ekosistem air tawar, katanya ikan bandaraya meskipun bukan spesies pemangsa memiliki sifat pembiakan yang agresif tanpa musim tertentu.

Justeru, beliau mengakui usaha menghapuskan ikan bandaraya seakan hampir mustahil kerana berlaku lambakan spesies itu di perairan air tawar negara.

"Walaupun ada pasukan bersama saya, ia masih belum men-

Impak kepada manusia adalah satu masa nanti kita tidak akan dapat jumpa spesies ikan lain di perairan air tawar. Populasi ikan ini juga mungkin boleh menyebabkan kemalangan jiwa kerana tebing sungai terhakis dan runtuh disebabkan spesies ini. Apabila runtuh berlaku banjir, rumah yang berada di tebing juga boleh runtuh

Mohamad Haziq A Rahman, Pengasas KPIB dan SPIA



cukupi kerana kami hanya boleh buat di tempat berdekatan kami, sedangkan ikan bandaraya ada di seluruh Semenanjung kecuali negeri di Pantai Timur.

"Kelantan dan Terengganu sahaja yang kami belum ada rekod. Kami buat ini tanpa dibayar dan sukarela mungkin daripada situ ramai kurang berminat untuk berbuat perkara sama."

"Kalau ada gerakan yang boleh buat serentak seperti kami di negeri lain, tidak mustahil ikan itu pupus," katanya.



Skuad Pemburu Ikan Asing menjalankan operasi tangkapan ikan bandaraya di Sungai Buloh minggu lalu.

(Foto Mohamad Haziq A Rahman/BH)

JENIS AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !	/	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN : POSITIF		/		NEGATIF		NEUTRAL		28	03-03-25



TERNAKAN ikan dalam sangkar diusahakan Duratul Yasmin di perairan Tanjung Rhu, Langkawi.



DURATUL YASMIN menternak ikan kerapu hibrid.

Duratul Yasmin usaha ternakan ikan dalam sangkar

Kerjaya TVET

Oleh FARID AHMAD TARMUJI

SEJAK kecil, Duratul Yasmin Mohd. Yani, 27, telah banyak terdedah aktiviti laut memandangkan bapanya merupakan seorang nelayan dan abang-abangnya pula bekerja sebagai pemandu bot pelancong.

Duratul Yasmin membesar di kawasan kampung ekopelancongan berhampiran Kilim Geoforest Park di Pulau Langkawi, Kedah dan dia sendiri juga pernah bekerja di restoran sangkar ikan terapung secara separuh masa ketika musim cuti persekolahan.

"Selepas tamat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), saya dapati diri mempunyai minat yang lebih mendalam tentang laut.

"Saya kemudian mengambil keputusan untuk menyambung pengajian dalam jurusan perikanan di Akademi Perikanan Malaysia (APM) di Chendering, Terengganu selama dua tahun," katanya.

Di APM, antara subjek yang Duratul Yasmin pelajari merangkumi pengenalan akuakultur, teknologi pengendalian ikan, teknologi pembenihan ikan, pengurusan kesihatan ikan dan lain-lain lagi.

Di situ, setiap minggu, mereka akan belajar tiga hari di dalam kelas dan dua hari melakukan amali sama ada di dalam makmal ataupun keluar melawat ke tapak-tapak projek berkaitan perikanan.

Duratul Yasmin menjelaskan, dia turut melakukan latihan industri di syarikat Grouper Palace Sdn. Bhd. selama tiga bulan.

Kemudian dia mendapat tawaran untuk bekerja di syarikat itu.



DURATUL YASMIN merupakan graduan pengajian kemahiran dari Akademi Perikanan Malaysia.

"Saya bekerja selama lebih tiga tahun sebagai supervisor di syarikat itu.

"Pada 2022, saya mengambil cabaran dengan berhenti kerja di syarikat tersebut dan mengusahakan ternakan ikan dalam sangkar sendiri di perairan Tanjung Rhu," jelasnya.

Dia terdorong untuk mengusahakan perniagaan tersebut selepas banyak dalam kalangan ahli keluarganya hilang peluang pekerjaan disebabkan pandemik Covid-19. Memandangkan bahagian sumber

perikanan dan bekalan makanan dibolehkan beroperasi seperti biasa pada ketika itu, lalu dia mengambil langkah berani mengubah keadaan dengan merancang untuk membuka sendiri ternakan ikan dalam sangkar terapung.

Berbekalkan modal simpanan yang ada, dia membina sebuah rumah rakit terapung untuk ruang penyimpanan barangan dan 10 petak sangkar untuk penternakan ikan.

Ikan yang ditenak olehnya adalah kerapu botol dan kerapu hibrid.

Dalam pada itu, Duratul Yasmin berkata, jumlah ternakan ikan juga bergantung kepada belaian benih yang lei seulla uleh pihak pembekal atau nelayan.

"Untuk satu petak sangkar, sebanyak 300 hingga 500 ekor ikan bersalz 6 hingga 8 inci boleh ditenak.

"Setiap bulan, penjualan ikan adalah sekitar 60 hingga 100 kilogram (kg) mengikut permintaan.

"Permintaan dari restoran sekitar akan tinggi pada musim cuti sekolah dan perayaan," jelasnya.

Menurutnya, mengusahakan ternakan ikan dalam sangkar bukanlah sesuatu yang mudah dan Duratul Yasmin juga berhadapan cabaran yang tersendiri.

Antara cabaran yang dihadapinya adalah keadaan cuaca seperti hujan dan ribut yang tidak menentu serta ancaman daripada pemangsa iaitu memerang dan biawak.

Selain itu, dia juga berhadapan dengan masalah kekangan benih ikan yang tidak mencukupi serta kos penghantaran yang terlalu mahal.

Apapun cabaran yang dilalui dalam kerjayanya kini, Duratul Yasmin mengakui, memilih untuk mendalami bidang kemahiran dan mengambil sijil dalam bidang perikanan adalah keputusan tepat yang dilakukannya.

"Pendidikan tidak mempunyai batas bagi lelaki atau perempuan untuk menceburi sesuatu bidang.

"Ia adalah proses untuk membentuk seseorang individu menguasai sesuatu kemahiran dan membawa kepada kerjaya.

"Biarpun bidang yang dipilih saya ini banyak dimonopoli lelaki tetapi saya menahuti cabaran untuk terlibat sama dalam bidang ini," katanya.